

**PEJABAT BENDAHARI
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

UTHM/PB/100-6/4/1 (1)

Tarikh: 13 Februari 2007

SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 4 / 2007

Semua Pengurus Bahagian
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Y. Bhg. Dato' / Prof/Tuan/Puan,

KADAR ELAUN BAGI PELAJAR YANG MENGADAKAN LAWATAN INDUSTRI, KERJA LAPANGAN ATAU PROGRAM-PROGRAM LAIN YANG SEUMPAMANYA

1.0 TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk menerangkan berkenaan kadar elaun bagi pelajar yang mengadakan lawatan industri, kerja lapangan atau program-program lain yang seumpamanya.

2.0 LATARBELAKANG

Surat Pekeliling ini menetapkan kadar elaun bagi pelajar yang mengadakan lawatan industri, kerja lapangan atau program-program lain yang seumpamanya seperti yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun Universiti Bil. 1/2007 pada 7 Februari 2007.

3.0 SYARAT DAN KADAR ELAUN

- 3.1** Kadar elaun yang telah ditetapkan pelajar yang mengadakan lawatan industri, kerja lapangan atau program-program lain yang seumpamanya adalah sebanyak **RM 10.00 sehari** sahaja.
- 3.2** Kadar elaun tersebut adalah meliputi elaun makan dan penginapan.

- 3.3** Elaun ini juga tidak layak diberikan kepada pelajar yang menjalani Latihan Industri, Praktikal, Latihan Mengajar dan latihan-latihan lain yang seumpama dengannya.
- 3.4** Walaubagaimanapun peraturan-peraturan lain berkenaan program-program pelajar adalah tertakluk kepada Pekeliling dan Surat Pekeliling Bendahari lain yang sedang berkuatkuasa.

4.0 KUATKUASA PEKELILING

Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 1 Januari 2007 untuk semua program-program pelajar berkenaan lawatan industri, kerja lapangan atau program-program lain yang seumpamanya.

Kerjasama dan perhatian Y. Bhg Dato'/Prof./Tuan/Puan adalah diharapkan agar dapat memanjangkannya kepada staf di bahagian masing-masing.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Yang benar



ABU BAKAR BIN HUSSAIN

Bendahari
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
 7050

- s.k - Yg. Bhg. Naib Canselor
 - Yg. Bhg. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
 - Yg. Bhg. Timbalan Naib Canselor (Akademik & Pengantarabangsaan)
 - Ketua Unit Audit Dalam
- Universiti Tun Hussein Onn Malaysia***